



KENYATAAN MEDIA

KEMPEN LABUR DAN MAJU BERSAMA CBP

1. Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad (CBP) telah mengadakan Sesi Taklimat Kempen Labur dan Maju Bersama Co-opbank Persatuan di Sunway Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Turut hadir dalam program ini adalah Pengerusi CBP, Tuan Haji Kamari Zaman Bin Juhari serta Anggota Lembaga CBP, Encik Yunus Bin Kasim, Encik Ahmad Bin Haji Atan serta Puan Nor Hidayah Binti Omar.
2. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Nor Bin Abd. Razak, siri jelajah Kempen Kempen Labur dan Maju Bersama Co-opbank Persatuan adalah untuk mempromosi saham CBP iaitu saham biasa dan saham keutamaan kepada individu dan koperasi.
3. Kempen yang bermula pada 1 Ogos 2018 yang lalu turut menyediakan hadiah cabutan bertuah kepada pelanggan yang memasuki saham CBP sehingga 31 Disember 2018 depan dan berpeluang memenangi bar emas sehingga RM10,000.

4. Pada sesi taklimat tersebut, Koperasi Sungai Gelugor Pulau Pinang Berhad yang diwakili oleh Pengerusinya Tuan Haji Shaik Kassim Bin Mohd. Rawiher (P.K.T), telah bersetuju menyampaikan cek pelaburan syer keanggotaan CBP bernilai RM3 juta kepada Tuan Haji Kamari Zaman Juhari.
5. Sehingga Jun 2018, keanggotaan CBP adalah seramai 80,592 individu dan 624 koperasi dengan jumlah syer anggota RM573.4 juta. CBP menyasarkan keuntungan sebanyak RM54 juta bagi tahun 2018. Di Pulau Pinang sahaja CBP mempunyai lebih 22,000 anggota individu dan 146 koperasi dengan jumlah syer keseluruhan RM105.6 juta.
6. Kini CBP sedang giat mempromosikan pelaburan syer keanggotaan melalui Kempen Melabur dan Maju Bersama CBP yang dilancarkan mulai Ogos hingga 31 Disember 2018. Hadiah berupa bar emas bernilai RM50,000 untuk dimenangi.
7. Dalam pada itu, CBP juga telah berjaya meningkatkan capaian rangkaian produk Ar Rahnū ke seluruh cawangan CBP dalam tahun 2018 dan mempelbagaikan rangkaian produk dan perkhidmatan yang bakal ditawarkan kepada para anggota serta pelanggan. Produk baharu seperti Pembiayaan Kontrak dan Jaminan Bank dijangka akan mula diperkenalkan pada penghujung 2018 ini.

~ Tamat ~

**Jabatan Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat
Co-opbank Persatuan Malaysia berhad
36, Tingkat 7, Wisma RKT 2, Jalan Raja Abdullah,
Off Jalan Sultan Ismail, 50300, Kuala Lumpur
Tel : 03-2604 0704 (ext 126 / 127 / 130)**